

# *570 pelajar baharu sudah mendaftar di UMS Labuan*

UB 31.8.2016 Af

LABUAN: Kira-kira 570 pelajar baharu telah melaporkan diri di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada hari kedua sesi pendaftaran yang diadakan di Dewan Utama, pada Isnin.

Jumlah itu semakin menghampiri sasaran kira-kira 700 pelajar baharu yang akan melanjurkan pengajian tinggi mereka di UMSLabuan bagi Sesi Pengambilan Akademik 2016/2017.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata daripada jumlah itu, hampir 600 orang adalah daripada Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) manakala 110 pelajar lagi di Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

"UMS Labuan juga akan menerima kehadiran tiga orang pelajar antarabangsa dari China, Vanuatu (1) dan

Bangladesh (1)," katanya.

Murnizam tidak lupa mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Minggu Suai Mesra (MSM) dan Pembimbing Suai Mesra (PSM) yang membantu kelancaran proses pendaftaran pelajar baharu itu.

"Proses pendaftaran

pelajar baharu itu berjalan lancar hasil kerjasama dan komitmen semua pihak khususnya PSM dan AJK Minggu Suai Mesra yang bertugas sejak jam 7 pagi hingga 6 petang," katanya.

Murnizam bagi pihak Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mengucapkan selamat datang

kepada pelajar dari Sabah, Sarawak, Semenanjung serta pelajar tempatan dari Labuan ke UMS Labuan dan Wilayah Persekutuan Labuan amnya.

Beliau yakin kehadiran ibu bapa dari seluruh negara itu turut membantu menjana ekonomi dan industri pelancongan Labuan.

**SEBAHAGIAN PSM yang membantu kelancaran proses pendaftaran pelajar baharu 2016/2017**

